

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**  
**TARIKH : 30 SEPT 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**PUAN TERESA KOK SUH SIM [ SEPUTEH ]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan status terkini projek penanaman satu juta pokok jenis hutan di hutan simpanan kekal di Sabah yang diusaha-sama oleh MPOC dan Jabatan Perhutanan Sabah. Nyatakan kos yang terlibat dalam projek penanaman pokok jenis hutan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, projek penanaman satu juta pokok jenis hutan di hutan simpan kekal di Sabah kini di bawah tanggungjawab Yayasan Pemuliharaan Hijau Minyak Sawit Malaysia atau *Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation* (MPOGCF).

**1. *Malaysian Palm Oil Green Conservation Foundation* (MPOGCF)**

- a) ditubuhkan di bawah Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC);
- b) beroperasi sejak April 2021; dan
- c) ditubuhkan bagi menyokong usaha pemuliharaan hijau negara dan sebagai respon terhadap isu-isu dan tomanan kepada industri sawit negara.

**2. Keterangan Projek**

- a) Jabatan Perhutanan Sabah (JPS) sebagai rakan strategik;
- b) melibatkan kawasan seluas 2,500 hektar dan dijangka akan mengambil masa selama 10 tahun;
- c) anggaran kos keseluruhan sebanyak RM25 Juta;
- d) proses penanaman pokok bagi projek ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Peringkat pertama:
  - i. penanaman meliputi kawasan seluas 200 hektar di Lower Kawag, Hutan Simpan Ulu Segama, Lahad Datu, Sabah;
  - ii. anggaran kos sebanyak RM1.856 Juta dan kos-kos terlibat merangkumi:
    - a. penyediaan tapak;
    - b. mendapatkan 80,000 anak benih pelbagai spesis; dan
    - c. menanam serta penyelenggaraan seperti membaja, meracun, membina jalan dan menggantikan pokok-pokok mati.
- e) projek ini juga melibatkan kerjasama dengan penduduk setempat di Kampung Tampenau di Lahad Datu, Sabah dalam mendapatkan bekalan anak benih spesis tempatan. Langkah ini dilihat dapat membantu meningkatkan ekonomi penduduk setempat.
- f) Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek bagi peringkat seterusnya akan dinilai dari semasa ke semasa mengambil kira kemajuan projek dan kedudukan kewangan yayasan.

**3. Status Terkini:**

- a) projek sedang berjalan dan diteruskan seperti mana yang telah dirancang;

- b) MPOGCF kini telah mendapatkan sebut harga melalui JPS dan dalam proses melantik kontraktor bagi menjalankan kerja-kerja di lapangan;
- c) walau bagaimanapun, kerja-kerja sedia ada di lapangan terganggu berikutan pandemik Covid-19 dan peningkatan kes positif di Sabah; dan
- d) projek akan diteruskan sebaik sahaja negara mencapai "*Herd Immunity*" serta kelonggaran untuk menjalankan projek dilapangan diberikan kelak.

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Kerajaan melalui MPOGCF telah merancang dan memperkemaskan lagi usaha-usaha berkaitan pemuliharaan hijau dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk jabatan dan agensi kerajaan serta pemain industri yang diharap akhirnya akan meningkatkan imej industri minyak sawit Malaysia di mata dunia.

Sekian, terima kasih.